



Headline	Usah terlalu optimis		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	324,097
Page No	70	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	393 cm <sup>2</sup>
Journalist	Saiful Affendy Sapran	AdValue	RM 14,514
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,543



# 'Usah terlalu optimis'

■ UniKL enggan terlalu yakin




Oleh Saiful Affendy Sapran  
saifulaffendy@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**W**alaupun hampir pasti menempah tiket ke final Piala Milo. Ahad ini, ketua jurulatih UniKL Young Guns, K Embaraj (*gambar*) enggan terlalu yakin menjelang perlawanan separuh akhir kedua bertemu Sekolah Sukan

Tunku Mahkota Ismail Junior (SSTMI Junior), hari ini.

Pada perlawanan separuh akhir pertama kelmarin, anak buah Embaraj selesa membenam lawan sama 6-0 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil sekali gus kini tinggal selangkah lagi untuk ke final.

Namun Embaraj sedar, keputusan itu belum selamat kerana tidak mustahil SSTMI



PEMAIN UniKL, Muhammad Syafiq Zulzairin (kiri) mengasak pertahanan lawan.

Junior boleh melakukan kejutan pada perlawanan hari ini.

"Kami memang jangkakan

SSTMI Thunderbolt akan menjadi lawan kami andai mara ke final.

"Tapi semua itu masih ter-

lalu jauh. Kami masih perlu mengharungi satu lagi perlawanan.

"Pemain sepatutnya tidak

## LIGA HOKI REMAJA MALAYSIA

### PIALA MILO (SEPARUH AKHIR 2) HARI INI

UniKL **mln** SSTMI Jr  
(Std Hoki Taman Daya, Johor Bahru)  
MBI-Anderson **mln** SSTMI T'bolt  
(Std Hoki Azdan Shah, Ipoh)  
(Semua perlawanan bermula 5 ptg)



boleh leka walaupun menang besar sebelum ini," katanya.

Satu lagi perlawanan menyaksikan Thunderbolt bertemu MBI Anderson selepas separuh akhir pertama memihak kepada Thunderbolt yang mencatat kemenangan besar 8-0.